

Remaja lelaki tidak mengaku salah miliki syabu

MIRI: Seorang remaja lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Fertinez Sim Zhi Wei, 18, dari Jalan Kuching Timur 3, Taman Tunku di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952 telah didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.30 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Ba-

hagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.15 malam, 18 Oktober lalu di hadapan pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri di Jalan Miri-Pujut di sini.

Di hadapan mahkamah, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap.

Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Ahmad Jani yang mendengar kes itu membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan 19 November depan untuk sebutan lanjut kes.

Tertuduh kemudiannya diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM1,000 bersama seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.